

**PERMODELAN PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ) PROGRAM
PENGURUSAN TEKNOLOGI DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN (KUITTHO)**

ASNIZAH BINTI SAHEKHAINI

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
(KUITTHO)**

FEBRUARI, 2004

Bingkisan Ilmu ini Dititipkan Untuk:

*Ayahanda bonda tercinta Sahekhaini Bin Manan
dan Hasnah Jali serta
adik-adik tercinta, terima kasih atas segalanya.*

*Istimewa untuk
suami tercinta Aminudin Abu dan
anak-anak yang dikasihii Irfan dan Ikram
Terima Kasih atas dorongan yang diberi,
Semoga Allah memberkati kalian agar mencapai kejayaan dikemudian hari.
Sesungguhnya kejayaan ini milik kita semua.*



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya projek penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Tn Haji Abdul Talib Bon di atas segala daya usaha, bimbingan, nasihat, bantuan serta tunjuk ajar yang berterusan sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan juga diberikan kepada Prof. Madya Mohd Izam Ghazali selaku ketua panel dan Tn. Hj. Yusuf Jamar selaku panel viva. Tidak dilupakan juga penghargaan ini ditujukan kepada kakitangan pengurusan dan pensyarah di UTM, USM dan UKM yang terlibat dalam kajian ini. Seterusnya kepada pelajar PJJ USM dan UKM serta pelajar pendidikan berterusan di UTM terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Kepada ayah, mak dan suami serta semua ahli keluarga, terima kasih atas segalanya. Tidak lupa juga kepada rakan serumah Jay, Maziah, Ena, Eja dan DD terima kasih atas bantuan yang diberi. Akhir segala kepada semua rakan seperjuangan dalam kelas Seksyen 1 sesi 2003/2004, terima kasih di atas segala bantuan, sokongan serta galakan yang diberikkan sepanjang belajar di sini. Moga Tuhan memberkati segala usaha dan keikhlasan yang telah kalian berikan. Sekian.



ABSTRAK

Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) telah menjadi satu komponen yang utama di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sistem pendidikan ini semakin penting kerana ia menjadi salah satu saluran di dalam melahirkan tenaga kerja berpengetahuan untuk negara. Maka pengkaji telah membuat satu kajian yang bertajuk “Permodelan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Program Pengurusan Teknologi di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO)”. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model PJJ dan melihat persepsi pelajar terhadap model yang dibangunkan terhadap aspek-aspek kaedah pelaksanaan program, sistem pengurusan, khidmat sokongan dan teknologi pendidikan. Data dipungut daripada 90 orang responden yang terdiri daripada pelajar PJJ di Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui instrumen kajian menggunakan temubual dan borang soal selidik. Temubual dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat untuk dijadikan panduan pembinaan model. Manakala soal selidik bertujuan untuk mendapatkan persepsi pelajar terhadap model yang dibangunkan. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 11. Skor min digunakan untuk mengetahui tahap penerimaan pelajar terhadap aspek-aspek yang difokuskan. Dapatan kajian menunjukkan tahap penerimaan pelajar terhadap aspek-aspek yang dicadangkan adalah tinggi dengan skor min bagi keseluruhan persoalan yang diuji ialah 4.19 ($\sigma = 0.643$).

ABSTRACT

Distance education programmed has become a common component of higher education institutions. This system becoming important as it provides alternative in producing knowledge workers in the country. Therefore, the researcher has made a research on a proposed “Model in Distance Learning Education for Technology Management Program”. The purpose of this research was to identify students’ perception of the model from delivery, management system, support system and education technology aspects. The data were gathered from 90 respondents of distance learning education students from the University Sains of Malaysia (USM), University Kebangsaan of Malaysia (UKM) and University Technology of Malaysia (UTM) through interview sessions and questionnaire administration. The interview was used to collect information as guidelines for developing a model and the questionnaire was used to identify student’ perception of the model. The data were analyzed descriptively by using *Statistical Package For Social Science (SPSS)* version 11.0 to get the score mean as indicator of the level of students’ acceptance on the focused issues. The finding indicated that the level of students’ acceptance was high with the score mean of 4.19 ($\sigma = 0.643$).

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	i
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kerangka Teori	8
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Skop Kajian	10
	1.9 Daftar Istilah	10

1.9.1	Model	10
1.9.2	Pendidikan	10
1.9.3	Program	12
1.9.4	Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)	12
1.9.5	Persepsi	12
1.9.6	Kaedah Pelaksanaan Program	13
1.9.7	Sistem Pengurusan	13
1.9.8	Khidmat Sokongan	14
1.9.9	Teknologi Pendidikan	14

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	16
2.2	Pendidikan Jarak Jauh	17
2.3	Sejarah Perkembangan PJJ di Malaysia	20
2.3.1	Perkembangan PJJ di Malaysia	21
2.4	Teori Pendidikan Jarak Jauh	22
2.5	Sistem PJJ	24
2.5.1	Konsep Pengajian PJJ	26
2.5.2	Konsep Universiti Terbuka (UT)	27
2.6	Organisasi PJJ	27
2.7	Model Pendidikan Jarak Jauh	28
2.7.1	Model A – Pengagihan Kelas	29
2.7.2	Model B – Pembelajaran Bersendirian	30
2.7.3	Model C – Pendidikan Terbuka dan Kelas	31
2.8	Rekabentuk, Perancangan dan Pelaksanaan Sistem PJJ	32
2.8.1	Pembinaan Kursus	33
2.8.2	Kaedah Pelaksanaan Program	34
2.8.3	Pelajar Jarak Jauh	35

2.8.4	Sokongan Pelajar Jarak Jauh	36
2.8.5	Penilaian	36
2.9	Teknologi Menyokong Pendidikan Jarak Jauh	37
2.10	Pembelajaran secara “online”	38
2.10.1	Pembinaan PJJ secara Online	39

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 41

3.1	Pengenalan	41
3.2	Pendekatan Kajian	41
3.3	Rekabentuk Kajian	42
3.4	Responden	43
3.5	Kaedah Pemilihan Sampel	44
3.6	Kronologi Kajian	44
3.7	Tempat Kajian	46
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	46
3.8.1	Data Primer	46
3.9	Instrumen Kajian	47
3.9.1	Format Temubual	47
3.9.2	Format Borang Soal Selidik	48
3.10	Kajian Rintis	49
3.10.1	Ujian kebolehpercayaan	50
3.11	Kaedah Analisis Data	51
3.12	Batasan Kajian	52
3.13	Andaian	52



BAB 4	REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK	53
4.1	Pengenalan	53
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	53
4.3	Objektif Produk	54
4.4	Rekabentuk Produk	54
4.4.1	Elemen Penting dalam Penghasilan Produk	54
4.4.2	Struktur dan Ciri-ciri produk	55
4.5	Kronologi Pembinaan Produk	58
4.5	Bahan, Kos dan Masa Membina Produk	59
4.5.1	Masa Pembinaan Produk	59
4.6	Permasalahan dalam Pembinaan Produk	59
BAB 5	DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA	60
5.1	Pengenalan	60
5.2	Analisis Data Kualitatif	60
5.2.1	Apakah Profil/Demografi pelajar yang berdaftar?	61
5.2.2	Apakah Kaedah Penghantaran Program yang diamalkan?	62
5.2.3	Apakah penggunaan teknologi pendidikan jarak jauh yang digunakan?	63
5.2.4	Apakah sokongan-sokongan yang diamalkan bagi menyokong pelajar (sokongan di dalam kelas dan di luar kelas)?	64
5.2.5	Bagaimanakah penilaian dan peperiksaan dijalankan penilaian formatif dan sumatif)?	64
5.3	Analisis Data Kuantitatif	65

5.4	Analisis Bahagian A (Demografi Responden)	66
5.4.1	Responden Mengikut Jantina	66
5.4.2	Responden Mengikut Umur	67
5.4.3	Responden Mengikut Bangsa	68
5.4.4	Responden Mengikut Status Perkahwinan	69
5.4.5	Analisis Peringkat Pengajian	69
5.4.6	Responden Mengikut Pengalaman Bekerja	70
5.5	Analisis Bahagian B (Penilaian Model PJJ)	70
5.5.1	Aspek Kaedah Penghantaran Program (KPP)	71
5.5.2	Aspek Sistem Pengurusan	73
5.5.3	Aspek Khidmat sokongan	74
5.5.4	Aspek Teknologi Pendidikan	75
5.6	Kesimpulan Hasil Kajian	77

BAB 6 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN 80

6.1	Pengenalan	80
6.2	Perbincangan	81
6.2.1	Hasil Temubual	81
6.2.2	Demografi Responden	81
6.2.3	Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Kaedah Peerlaksanaan Program (KPP)	82
6.2.4	Penerimaan pelajar terhadap aspek sistem pengurusan PJJ	83
6.2.5	Penerimaan pelajar terhadap khidmat sokongan	83
6.2.6	Penerimaan pelajar terhadap penggunaan teknologi	84
6.3	Rumusan	85
6.4	Cadangan	86

	xii
6.4.1 Cadangan Kepada KUITTHO	87
6.4.2 Cadangan Kepada Pelajar	87
6.4.3 Cadangan Kajian Akan Datang	87
6.5 Penutup	88

BIBLIOGRAFI	89
--------------------	----

LAMPIRAN	96
-----------------	----



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Perkembangan PJJ di IPTA	4
3.2	Bahagian dalam soal selidik	48
3.3	Format Skala Likert	49
3.4	Jadual Penentu Tahap	52
4.2	Struktur dan Ciri-Ciri Model	57
5.1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	66
5.2	Bilangan Responden Mengikut Umur	67
5.3	Bilangan Responden Mengikut Bangsa	68
5.4	Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan	69
5.6	Bilangan Responden Mengikut Pengalaman Bekerja	70
5.7	Jadual Penentu Tahap	71
5.8	Nilai min dan sisihan piawai hasil terhadap penerimaan pelajar dari aspek Kaedah Pelaksanaan Program (KPP)	72
5.9	Nilai min dan sisihan piawai hasil terhadap penerimaan pelajar dari aspek Sistem Pengurusan	73
5.10	Nilai min dan sisihan piawai hasil terhadap penerimaan pelajar dari aspek Khimat Sokongan	74
5.11	Nilai min dan sisihan piawai hasil terhadap penerimaan pelajar dari aspek Teknologi Pendidikan	76
6.1	Rumusan Hasil Kajian Berdasarkan Soalan Kajian	86

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.2	Kerangka Teori Pembentukan Model PJJ	9
2.1	Komponen Pendidikan Jarak Jauh	17
2.2	Fungsi Sistem Pendidikan Jarak Jauh	25
2.3	Rajah Model PJJ yang ringkas	28
3.1	Carta alir perjalanan kajian	45
4.1	Elemen Model PJJ Program Pengurusan Teknologi	55
4.3	Kronologi Pembinaan Produk	58



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

AAOU	Universiti-Universiti Terbuka Asia
ITM	Institut Teknologi Mara
KUITTHO	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
MDLSB	Meteor Distance Learning Sdn. Bhd.
PJJ	Pendidikan Jarak Jauh
SPACE	Sekolah Pendidikan Professional dan Pendidikan Berterusan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UT	Universiti Terbuka
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia



PTT UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	TAJUK	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	Borang Temubual Borang Soal Selidik Model PJJ	96
LAMPIRAN B	Ujian Kebolehpercayaan	97
LAMPIRAN C	Analisis Skor Min	98



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan adalah untuk semua, tidak kira untuk siapa, di mana, bila dan bagaimana ia dijalankan. Pada zaman teknologi moden yang semakin canggih ini, manusia khususnya perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan mutu kehidupan. Menurut Oakeshoff (1976) dalam Yusuf dan Sharifah Alwiah (1999) pendidikan ada yang dijalankan secara bersemuka dalam kelas atau di luar kelas bersama guru dan ada yang dikehendalkan secara terpisah tanpa guru. Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan proses mendidik individu mengambil daya usaha dengan atau tanpa pertolongan orang lain untuk mengkaji keperluan pembelajaran, memilih dan melaksanakan strategi pembelajaran yang sesuai serta menilai kesan pembelajaran tersebut (Russell, 2003). Menurut Shireen (1995b), sistem PJJ adalah merupakan cara menimba ilmu yang berbeza daripada pendidikan formal.

Bagi negara yang sedang membangun atau negara miskin, tidak semua pelajar mendapat peluang ke sekolah disebabkan penduduk yang ramai, kemudahan pendidikan yang terhad serta sistem komunikasi yang kurang baik. Di negara maju, walaupun kebanyakannya mendapat pendidikan asas tetapi tidak semua dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti atau peringkat lebih tinggi. Hanya yang mampu dan yang mempunyai kelayakkan akademik yang tinggi dipilih masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi. Oleh yang demikian, sistem pendidikan terpaksa

menyediakan alternatif lain selain pendidikan konvensional supaya setiap orang mendapat peluang pendidikan yang sama serta menuju ke arah pembelajaran seumur hidup.

Era tahun 1980-an memperlihatkan perkembangan PJJ sebagai satu bahagian penting dalam sistem pendidikan di kebanyakan negara di seluruh dunia. Kebanyakan universiti telah memulakan program PJJ pada tahun 1960-an. Kajian pakar menunjukkan terdapat beberapa universiti telah memulakan PJJ pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-20 seperti Illinois Wesleyan University (1874) dan University of California (1931) (Shireen, 1995a).

Perbandingan yang ketara antara PJJ dengan pendidikan biasa ialah pendidikan biasa menekankan pada komunikasi bersemuka, manakala PJJ meminimumkan interaksi antara pensyarah dengan pelajar dan antara pelajar dengan pelajar (Kanuka et. al, 2002). Perkembangan insdustri teknologi moden masa kini telah membantu PJJ berkembang ke arah membuka peluang kepada mereka yang bekerja untuk memperolehi kelayakan, kelulusan, kemahiran dan pengetahuan.

Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 1971 dan Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan universiti tempatan pertama menawarkan program PJJ. Seajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjadikan pendidikan di Malaysia “bertaraf dunia” dan “pusat kecemerlangan pendidikan”, Mahathir (1997) telah menyarankan semua universiti tempatan mengungguli PJJ dengan merentasi sempadan di rantau ini.

PJJ secara terbuka telah diperkenalkan di Malaysia dan merupakan satu kaedah pembelajaran yang menerima pertumbuhan yang paling pantas di dalam negara dan antarabangsa. Menurut Abdullah Sanusi (1989) dalam Karsono (1993), kaedah PJJ secara terbuka berupaya menjadikan sesebuah universiti berada pada nilai tinggi, efektif dan berkualiti pada pandangan ibu bapa dan pelajar. Maka dengan itu PJJ dapat membantu individu tertentu mengemaskinikan ilmu

pengetahuan yang sedia ada oleh individu tertentu dan membantu mereka dalam perkembangan kerjaya dan pekerjaan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Menginsafi universiti sebagai gedung ilmu pengetahuan yang mampu mencorakkan pemikiran masyarakat, maka perlu ditampikan satu pendekatan yang mampu dikongsi bersama masyarakat secara adil dan segera. Penubuhan dan pelaksanaan program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) dan Pendidikan Berterusan membuktikan betapa pentingnya pendidikan dalam meningkatkan kualiti hidup dan untuk mengurangkan jurang peluang pendidikan pelbagai kaum di Malaysia. Justeru, program yang telah mula diperkenalkan di Universiti Sains Malaysia (USM) sekitar tahun 70an ini, telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

Pada masa kini, PJJ dan Pendidikan Berterusan ada ditawarkan di hampir setiap institusi pendidikan tinggi awam mahupun swasta. Manakala kursus yang ditawarkan telah dipelbagaikan dan mengikut keperluan semasa. PJJ dibentuk berdasarkan pada pemikiran bahawa pelajar adalah fokus proses pembelajaran, bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri dan sentiasa berusaha. Manakala Pendidikan berterusan merupakan komponen terpenting dalam pendidikan terbuka yang menyemarakkan lagi proses pendidikan sepanjang hayat. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan ringkasan turutan tahunan penawaran PJJ oleh IPTA di Malaysia (Md. Noor Salleh, 2001).

Jadual 1.1: Perkembangan PJJ di IPTA

IPTA	Tahun Penawaran	Program
USM	1971	B.A. (Hons) B.Soc.Sc. (Hons)
	1973	B.Sc. (Hons).
	1978	Sains Pemulihan
	1988	Pendidikan Berterusan
	1994	B.Eng. (Hons)
	1995	B.Ed. (Hons)
UKM	1993	B.Mgmt. (Hons)
	1996	M.Farm.Med B.Sc.(Math) B.Sc. (Math.Ed.) B.A. (Business Ad.) B.A.(Comm./Phyco.) Dipl. Pendidikan B.Sc. (Biologi)
UPM	1998	
	1995	M.S. (HRD) B.Comp.Sc.(Hons) B.Ed.(Hons)
UTM	1996	
	1995	Pengajian Luar Kampus Ijazah dan Diploma Kejuruteraan.
UM	1997	B.Eng.(Hons)
	1998	B.A. (Hons)
UUM	1998	B.B.A. (Hons)
	1999	B.P.A (Hons)
ITM	1990	Dipl. A. Dipl.B.
	1998	B.B.A(Hons)
MDLSB (Meteor Distance Learning Sdn. Bhd.)	1999	B.Eng. (Hons) UTM

(Sumber: Md Nor Salleh, 2001)

PJJ dan Pendidikan Berterusan diwujudkan bagi memenuhi tanggungjawab universiti untuk memberi khidmat kepada masyarakat dengan menawarkan kursus-kursus yang memberi pengetahuan tambahan untuk meningkatkan prestasi kerja dan membantu seseorang meningkatkan mutu hidupnya. Program berasaskan pengurusan menjadi pilihan utama kerana menyedari kedaifan masyarakat luar bandar dan juga pegawai peringkat pertengahan untuk mengikuti kursus-kursus bercorak pengurusan. Menurut Karsono (1993) antara objektif penawaran program berkenaan adalah:

- i. Membekalkan pengetahuan asas berhubung dengan tugas dan tanggungjawab seorang pengurusan pertengahan (penyelia).
- ii. Meningkatkan kemahiran pengurusan dan kemahiran teknikal dalam kerja-kerja penyeliaan, pengurusan dan pengenalan aktiviti serta kakitangan.
- iii. Melengkapkan diri peserta dengan pengetahuan pengurusan yang diperlukan nanti apabila mereka berada di peringkat pengurusan pertengahan penyelia kelak.

Pembelajaran jarak jauh perlu setanding dengan pembelajaran secara tradisional. Pembangunan program PJJ perlulah merujuk kepada kepelbagaian model PJJ yang ada pada masa kini. Model PJJ dibangunkan sebagai panduan kepada pelaksanaan program tersebut. Menurut Sherry (1996), PJJ menggambarkan kepelbagaian model dalam bidang pendidikan yang kebiasaanya menekankan pembelajaran secara bersendirian.

Justeru itu, kajian yang dijalankan adalah bertujuan membangunkan satu model Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) untuk Program Pengurusan Teknologi di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Kajian ini adalah penting memandangkan PJJ memerlukan pengurusan yang teratur dan berkesan bagi menjamin tahap kualiti pelajar. Bagi mengukuhkan pembinaan model temubual dijalankan kepada kakitangan pengurusan dan pensyarah yang terlibat dalam PJJ

ditiga buah universiti yang dipilih iaitu USM, UTM dan UKM. Seterusnya, model ini diuji melalui kajian rintis yang melibatkan kakitangan pengurusan dan pensyarah yang terlibat dalam PJJ dan kaedah soal selidik kepada pelajar yang mengikuti program PJJ. Sampel kajian akan terdiri daripada pelajar yang mengikuti PJJ di Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

1.3 Pernyataan Masalah

Pada zaman teknologi moden yang semakin mencabar ini, manusia perlu melengkapkan diri dengan berbagai-bagai ilmu pengetahuan untuk meningkatkan mutu kehidupan. Memandangkan kepada permintaan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) samada institut pengajian awam atau swasta begitu mendapat sambutan, ada di antara mereka tidak mendapat tempat untuk belajar. Maka, Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan salah satu alternatif untuk memenuhi keperluan itu. Menurut Shireen Haron (1995a), PJJ merupakan satu kaedah pengajaran yang diterima di seluruh dunia sebagai pendidikan yang sah dan diakui setanding dengan bentuk pendidikan yang lain. Model PJJ di KUITTHO masih belum dibangunkan kerana beberapa kekangan iaitu masa, kos dan sebagainya. Selain itu, banyak perkara perlu diambil kira dan perancangan yang teliti diperlukan bagi membangunkan model PJJ. Persoalannya sekarang, adakah model PJJ yang dibangunkan memenuhi pendidikan masa kini?. Apakah persepsi pelajar terhadap model PJJ program Pengurusan Teknologi yang dihasilkan?.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan model PJJ program Pengurusan Teknologi di KUiTHHO dan mengetahui persepsi pelajar PJJ terhadap pembangunan model dari aspek berikut;

- i) Kaedah pelaksanaan program.
- ii) Sistem Pengurusan.
- iii) Khidmat Sokongan.
- iv) Teknologi Pendidikan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang dinyatakan, terdapat beberapa persoalan kajian dikemukakan kajian iaitu :

- i) Adakah kaedah pelaksanaan program yang dicadangkan boleh diterima pelajar PJJ?
- ii) Adakah sistem pengurusan yang dicadangkan memenuhi keperluan pelajar PJJ?
- iii) Adakah khidmat sokongan dicadangkan dapat menyokong pelajar PJJ?
- iv) Sejauhmanakah teknologi pendidikan yang dicadangkan boleh diterima oleh pelajar PJJ?


1.6 Kerangka Teori

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kerangka teori yang ditunjukkan di Rajah 1.2 seperti di bawah. Kerangka teori yang dihasilkan daripada rajah tulang ikan Ishikawa (1982) dalam Oakland (1996). Rajah ini merupakan salah satu cara memeta input yang berguna dalam merangka kajian. Kesan atau kejadian yang diselidiki ditunjukkan di hujung anak panah mendatar dan penyebab potensi kejadian ditunjukkan sebagai anak-anak panah yang berlabel menuju kepada anak panah kesan utaman. Setiap anak panah berlabel mengandungi faktor-faktor utama atau sebab-sebab yang dipecahkan kepada beberapa sub-faktor atau sub-sebab.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Rajah 1.2: Kerangka Teori Pembentukan Model PJJ



BIBLIOGRAFI

Abd Rasit Mat Zain(1994). “ Pendidikan Jarak Jauh: Sejarah, prinsip, teori dan pelajar secara ringkas.” Dalam Kertas Kerja dibentangkan dalam Bengkel Pendidikan Jarak Jauh. Pulau Pinang: Country Club.

Ary. D, Lucy C. J. & Asghar R. (2002). “ Introduction to Reasearch in Education.” USA: Thomson Learning. 453 - 460

Ayadurai L. dan Sivachāndralingam S. R. (1999). “Tamadun Dunia: Pendidikan.” Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti. 326 – 380.

Catherine C. S. (2001). “Compensation Moels in Distance Education”. Phildephia: Temple University.

Dann E. Husmann & Michael (2000). “ Improving Distance Education: Perceptions of Program Administrators”. University of Nebraska: Lincoln.

Daniel P. C. (2003). “Current Trends in Distance Education: An Administrative Model”. Ohio: University Of Toledo.

Davey Yeung (2000). “Toward an effective quality assurance Model of Web-Based Learning: The perspective of Academic staff”. The Open University of Hong Kong.

Dick W., dan Carey L. (1990). “The Systematic Design of Instruction”. Glenview, Illinois: Scott, Foresman.

- Dooley, K.E, *et. al* (2002). "Faculty Philosophical Position Towards Distance Education: Competency, Value and Educational Technology Support". Online Journal of Distance Learning Administration, 5(1)
<http://www.westagu.edu/~distance/ojdl/spring 51/jones51.html>.
- Doug Valintine (2002). "Distance Learning: Promises, Problem, and Possibilities". University of Oklahoma.
- George F. Shuster, Cheryl, Robert D. (2003). "A Strategy for Involving on-campus and distance students in a nursing research course". The Journal of Continuing Education in Nursing. Vol.34(3), 2-10.
- G M Steyn (2003). "Assuring Quality Of A Module In Human Resource Management: Learners' Perception", University Of Africa.
- Holmberg, B. (1989). "Theory And Practice Of Distance Education." London: Routledge.
- Holmberg, B. (1995). "The evolution of the character and practice of distance education". Open Learning (10)2: 47-53.
- James R.Lindner, Kim E. D, Kathleen D. (2002). "All for One and One For All: Relationships in a distance education program". Oklahoma: Oklahoma State University.
- Janice M Doods (2003). "Development of a master's in public health nutrition degree program using distance education". Journal of the American Dietetic Association: Chicago. Vol.103(5), 2-9.
- Jason *et.al.* (2002). "A Cross Sectional Review of Theory and Research in Distance Education". University of Oklahoma.

Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kaegen, D. J. (1986). "Foundations Of Distance Education." London:Croom Helm.

Kaegen, D. J. (1990). "Foundations Of Distance Education." (2nd ed.). London: Routledge.

Karsono Ahmad Dasuki (1993). "Konsep Dan Sistem Pendidikan Jarak Jauh." Kuala Lumpur: DBP. 30 – 56.

Kaye A. Dan Rumble G (1981). "Distance Teaching for Higher and Adult Education". London: Croom Helm.

Kay M. Perrin (2000). "The Reality of Designing and Implementing an Internet-based Course". University of South Florida.

Linda Jones R. (2001). "Distance Learning and Distance Libraries: Where are they now?". College of Staten Island Library.

Lindner, J.R., Dooley K.E., dan Murphy (2001). "Differences in competencies between doctoral students on-campus and at a distance". The American Journal of Distance Education, 15(2), 25-40.

Lynne S. C. & Maria S. (2003). "Recruitment and Development of Online Adjunct Instructors". Florida Community College.

Mahathir Mohammad (1997). "PJJ Bersedia Merentasi Sempadan Pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan Malaysia. Nov.

Mark Kretoivics (2003). "The Role of Student Affairs in Distance Education: Cyber-Services or Virtual Communities". Kent State University.

- Md. Noor Salleh (1990). "Keberkesanan telesidang audio dan papan tulis elektronik, kursus biologi pra universiti." Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Md. Noor Salleh (1993). "Pendidikan Jarak Jauh: Perkembangan dan Pelaksanaan dalam pendidikan tinggi." Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Md. Noor Salleh (2001). "Pendidikan Jarak Jauh". Kuala Lumpur: Utusan Publishing.
- Melissa R. Olt (2002). "Ethics and Distance Education: Strategies for Minimizing Academic Dishonesty in Online Assessment". Capella University.
- Mohd Majid Konting (1993). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: DBP. 256 – 300.
- Mohd Majid Konting (2000). " Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Jaafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. 72 – 82.
- Mohd Salleh Lebar (1996). "Perkembangan Dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia." Berita Publishing Sdn Bhd. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd. 254-259.
- Mohd Salleh Lebar (1998). " Sosiologi Sekolah Dan Pendidikan." Selangor: Thinker's Library.
- Moore M.G. (1980). "Independent Study." San Francisco: H.W. Apps & Associates. 76-88.

- Moore , M.G. dan Kearsely (1996). "Distance Education: A System view."
Wadsworth:Bermont, CA.
- Oakland, J.S. (1996). "Pengurusan Kualiti Menyeluruh." Terjemahan Moh Salmi Mohd
Sohod. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka: 3-95.
- Ormond Simpson (2000). "Supporting Students in Open and Distance Learning."
London: Kogen Page.
- Rowntree D. (1992). "Exploring Open and Distance Learning". London:Kogan Page.
- Russell K. Baker (2003). "A Framework for Design and Evaluation of Internet-Based
Distance Learning Courses, Phase One – Framework Justification, Design and
Evaluation". University of Tampa.
- Seattler, Paul (1990). "The Evolution Of Instructional Tecnology." New York: McGrow
Hill Co.
- Seels, B & Richey, R. (1994). "Instructional Technology; The Definision and Domain of
The field." Washington DC: AECT.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). "Falsafah Pendidikan." Kuala Lumpur: Heinemann
Asia.
- Sherry, L. (1996). "Issues in Distance Learning." Dalam International Journal of
Educational Telecommunications. 337 – 365.
- Shireen Haron (1995a). "PJJ: Penggunaan Komputer Penting". Kuala Lumpur: Dewan
Masyarakat . Feb. 14 - 15.

Shireen Haron (1995b). "PJJ: Meningkatkan Lagi Golongan Yang Berilmu." Kuala Lumpur: Dewan Masyarakat . Mac. 34 – 35.

Siti Haziana Abd Aziz (2001). "Sikap dan Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Berbantu Komputer (CAI-CAL)." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn:Tesis Sarjana.

Smith K.C. & Sheath (1979). "External Study in New England". England: ArmidaleUNE.

Sulaiman Masri (2003). " Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Suzanne Levy (2003). "Six Factors to Consider when Planning Online Distance Learning Programs in Higher Education". Allan Hancock College: Santa Maria.

Tara M. Minton (2003). "Student Preferences for Academic Structure and Content in a Distance Education Setting". University of Florida.

Wiersma (1997). "Research methods in education: An introduction." Boston: Allyn and Bacon.

Wiersma W., (2000). "Research Methods in education: An introduction." Boston: Allyn and Bacon.

Yusuf Hashim Dan Sharifah Alwiah Alsagoff (1999). "Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan Amalan." Kuala Lumpur: DBP. 23 - 41

Yusuf Hashim(1995). "Penggunaan Teknologi Dalam Inovasi Pendidikan." Jurnal Pendidik dan Pendidikan, 13, Penerbit Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan: Universiti Sains Malaysia.

Yusuf Hashim (1997). "Media Pengajaran Untuk Latihan dan Pendidikan." Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Yusuf Hashim (1997). "Tinjauan Awal Penggunaan internet untuk pembelajaran jarak jauh." USM: Pusat Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). "Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing.

_____ (1997). "Models of Distance Education". University of Maryland: Institut of Distance Education. Dalam www.info.umuc.edu.com.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH